



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA (AGC)  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS, MALAYSIA (AGC)  
No. 45, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel.: 03-8872 2000  
Faks (Fax): 03-8890 5670  
Laman Web (Web): [www.agc.gov.my](http://www.agc.gov.my)

Ruj. Kami : PN.BPA.152/175/58 JLD.2  
Tarikh : 1 Oktober 2019

YBhg. Dato' Anita binti Hj. Harun,  
Ketua Pengarah,  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP),  
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
**SELANGOR.**

YBhg. Dato',

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH BAGI PELAKSANAAN BENGKEL ARTS AND CREATIVE THERAPIES BAGI RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' dan pihak Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) atas kebenaran dan kerjasama yang diberikan dalam penganjuran Bengkel Arts and Creative Therapies bagi Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Jabatan Peguam Negara (AGC) di ILKAP pada 26 dan 27 September 2019. Alhamdulillah dengan bantuan dan kerjasama baik yang diberikan oleh pihak ILKAP, Bengkel tersebut telah dapat diadakan dengan jayanya.

3. Kami mendoakan semoga YBhg. Dato' dan pihak ILKAP terus cemerlang dalam usaha pembangunan modal insan yang berprestasi tinggi serta berdaya saing dalam kalangan pegawai Kehakiman dan Perundangan khususnya, serta pihak awam umumnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. ARIK SANUSI BIN YEOP JOHARI)**

Pengerusi

Jawatankuasa AKRAB AGC

s.k. YM Datuk Peguam Cara Negara  
merangkap Penasihat Jawatankuasa AKRAB AGC